# Program Amal Bank Islam 2016

**PROGRAM** Amal 2016 Bank Islan Malaysia Cawangan Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Pejabat Daerah Perikan Laut Sematan baru-baru ini berlangsung meriah.

Pelbagai acara serta aktiviti telag disusun atur untuk memeriahkan program berkenaan.

Antaranya, larian 'Green Day' yang membabitkan pelajar Sekolah SK Sematan serta demo masakan oleh pelajar Universiti UCSI.

Tidak hanya itu, program turut diserikan dengan penyampaian bantuan kepada para pelajar SK Sematan yang kurang berkemampuan, bantuan kepada warga emas.

Hadir pada majlis tersebut Pengurus Bank Islam Wilayah Malaysia Timur, Haji Abdul Malek Abdullah, Pegawai Tadbir Daerah Kecil Sematan, Nazri Bujang serta ketua-ketua masyarakat setempat.



**AMANAT PENTING...** Pengurus Bank Islam Wilayah Malaysia Timur, Haji Abdul Malek Abdullah ketika berucap pada majlis tersebut.



**BARISAN** tetamu yang hadir pada majlis tersebut.




**BANTUAN...** Salah seorang pelajar yang merupakan penerima bantuan.




**TERIMA...** Guru Besar SK Sematan, Brahim Haji Tahir (tengah) menerima sumbangan daripada Bank Islam yang disampaikan Pengurus Bank Islam Wilayah Malaysia Timur, Haji Abdu Malek Abdullah.




**LEPAS...** Beberapa tetamu sedang melepaskan anak ikan ke dalam sungai sebagai simbolik perasmian program berkenaan.



**PESERTA** yang berjaya dalam larian 'Green Day' pada majlis tersebut.



**BERTUAH...** Salah seorang yang hadir berjaya memenangi cabutan beruah pada majlis tersebut.



**CENDERAHATI...** Pengurus Bank Islam Wilayah Malaysia Timur, Haji Abdul Malek Abdullah (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Encik Nazri Bujang (kiri).



**ANTARA** orang ramai yang turut hadir pada majlis tersebut.